

## PENGHARGAAN

Pertama sekali saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Encik Juli Edo kerana sudi menjadi penyelia saya dalam kajian tersebut. Saya amat menghargai tunjuk ajar dan nasihat yang telah diberikan olehnya supaya menjayakan kajian ini.

Saya juga berterima kasih kepada Profesor Madya Abdul Hadi Bin Zakaria yang telah sedikit sebanyak memberi bantuan dan nasihat yang berfaedah. Beliau telah ditimpa kemalangan semasa menjalankan penyeliaan di Cameron Highlands dan kejadian ini amatlah dikesali.

Kepada penduduk-penduduk di Sungai Ruil, terutama Encik Wim bin Mat, Penolong Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli(JHEOA) Cameron Highlands dan keluarganya serta Batin Zainal, saya menunjukan penghargaan yang amat tinggi. Segala bentuk bantuan, kerjasama dan kerelaan meluangkan masa untuk melayani pertanyaan-pertanyaan saya telah membolehkan saya menyiapkan latihan ilmiah tersebut.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung termasuk kakitangan JHEOA Kuala Lumpur, Majlis Daerah Cameron Highlands dan Pusat Kesihatan Kecil Tanah Rata yang memberi maklumat-maklumat kepada saya.

Sekali lagi, saya menyampaikan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan latihan ilmiah tersebut. Segala budi yang diterima tidak dapat saya balaskan.

Sekian.

## SINOPSIS

Kajian ini bertujuan menganalisa perubahan-perubahan yang telah berlaku di Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil, Tanah Rata. Fokus utama adalah kesan pemodenan yang menyebabkan perubahan-perubahan dalam institusi adat resam dan sistem nilai.

Bab 1 membincangkan tentang tujuan kajian dan masalah kajian yang dihadapi oleh pengkaji semasa menjalankan kajian. Dalam Bab 2, latar belakang kawasan kajian dan masyarakat di situ turut ditinjau untuk memahami serba sedikit mengenai sampel penyelidikan. Latar belakang kawasan kajian terdiri daripada aspek pentadbiran, sosio-ekonomi dan pendidikan masyarakat di situ.

Butir-butir adat perkahwinan dan kelahiran serta kepercayaan dalam kematian dibicarakan dalam Bab 3. Satu perbandingan antara adat yang diturunkan dengan yang diamalkan dalam realiti juga terkandung dalam bab tersebut.

Seterusnya, sistem nilai dan perubahan sosial terdapat dalam Bab 4. Perubahan sosial diperkatakan supaya dapat menjelaskan perubahan sistem nilai yang berlaku. Ia merupakan kesan sampingan yang mengakibatkan masyarakat mengubah sistem nilai mereka.

Bab terakhir merupakan rumusan dalam kajian dengan mengemukakan hasil kajian dan syor-syor daripada pemerhatian. Agen perubahan yang utama ialah pihak kerajaan melalui JHEOA yang mengendalikan hal-ehwal masyarakat Orang Asli. Perubahan dan pemodenan yang dibawa selaras dengan

kemajuan negara ini melahirkan kesan sampingan yang negatif kepada golongan tersebut.

Dengan itu, cadangan utama ialah supaya pihak kerajaan memberi kebebasan kepada Orang Asli untuk memajukan diri mereka sendiri yang mana kerajaan bertindak sebagai 'orang tengah' sahaja. Keupayaan mental mereka adalah sama dengan keupayaan mental golongan kaum yang lain tetapi hanya cara penggunaan mental yang berlainan. Masyarakat Orang Asli juga dapat mencapai kemajuan seperti kaum lain jika diberi tunjuk ajar yang sepatutnya.

Kebebasan dikembalikan dengan tujuan mengekalkan identiti Orang Asli disamping perubahan yang berlaku. Pengekalan nilai yang murni dan identiti yang tersendiri sangat diperlukan dalam menempuh segala anasir-anasir yang mengancam mereka.

Sebagai kesimpulan biarlah golongan minoriti ini menjadi satu golongan yang istimewa dan penting dalam negara yang terdiri daripada pelbagai kaum.

---